Tiga faktor mungkin punca tanah runtuh di Kemensah

Oleh Ilah Hafiz Aziz - September 18, 2021 @ 7:10pm

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Keadaan kawasan kejadian tanah runtuh di Kemensah Heights, Hulu Klang. - Foto IHSAN PENDUDUK

KUALA LUMPUR: Kedudukan kurang stabil, pembinaan kolam renang tidak telap air di permukaan atau kewujudan sungai di kaki tebing menjadi antara tiga kemungkinan awal kejadian tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights di sini, semalam.

Difahamkan, kawasan runtuhan itu berkemungkinan menunjukkan kegagalan sejak dari awal dan diburukkan dengan hujan lebat berterusan.

Pakar Geologi Kejuruteraan dan Mekanik Tanah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Nor Shahidah Mohd Nazer, berkata pemerhatian mendapati binaan kolam renang dan tembok penahan di permukaan terganjak menuruni tebing.

Bagaimanapun, katanya, struktur rumah asal kekal dan tidak terjejas.

Katanya, turut dikesan aliran sungai kecil di belakang rumah terjejas tidak jauh dari lereng atau tebing yang runtuh itu.

"Kawasan ini secara khususnya mempunyai tiga elemen pencetus utama iaitu pertama, kedudukan yang tidak stabil di lereng bukit curam.

"Kedua ialah kewujudan binaan tidak telap air di permukaan (kolam renang) dengan potensi kebocoran tanpa kesan.

"Ketiga ialah sungai yang berpotensi menghakis kaki tebing, sekali gus melemahkan cerun atau lereng," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Nor Shahidah berkata, hujan berterusan menyebabkan tanah di kawasan itu yang berkemungkinan sudah mula menunjukkan ciri kegagalan lebih awal, akan bergerak walaupun mempunyai kepadatan litupan tumbuhan yang baik.

Katanya, binaan rumah di kawasan sensitif seperti itu mengganggu proses resapan hujan di permukaan, menyebabkannya tertumpu di kawasan telap air di sekitar kawasan puncak dan tebing lereng.

"Peningkatan air di kawasan ini menyebabkan berlaku peningkatan air liang berbanding tanah sekitarnya, lantas merendahkan kekuatan ricih lereng dan berpotensi gagal apabila mencapai nilai ambang kegagalan," katanya.

Mengenai situasi di kawasan itu, Nor Shahidah berkata, kejadian berkenaan boleh diklasifikasikan sebagai tanah runtuh cetek di lereng curam dan dijana oleh hujan lebat berterusan.

Jelasnya, tanah runtuh cetek merujuk kepada apa yang berlaku di permukaan cerun iaitu satah gelinciran hanya beberapa sentimeter atau meter dari muka cerun.

"Keduanya, jika tanah runtuh berskala besar yang berlaku atau satah gelinciran terletak lebih dalam, keseluruhan unit rumah pasti terganjak dan mengakibatkan bencana lebih dahsyat," katanya.

Dalam kejadian semalam, seramai 103 penduduk di Jalan Kemensah Heights di sini, terpaksa dipindahkan susulan runtuhan.

Setakat ini, mereka yang dipindahkan adalah penduduk 16 unit rumah bandar di Jalan Kemensah dan lot banglo di Jalan 7, Kemensah Heights.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, hari

ini dilaporkan berkata, pihak berkuasa memerlukan sekurang-kurangnya tiga hari untuk melengkapkan kajian dan laporan teknikal keadaan tanah di situ.

Katanya, langkah segera yang diambil adalah memasang besi penghadang untuk menghentikan pergerakan tanah.